

Usah jadikan kampus medan perhimpunan haram

SEREMBAN 27 Okt. - Sekretariat Timbalan-timbalan Naib Canselor, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menentang keras sebarang usaha pihak tertentu yang menjadikan mana-mana kampus sebagai medan perhimpunan haram mereka.

Pengerusinya, Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah (**gambar**) berkata, ini bertujuan bagi menjamin para mahasiswa memberikan tumpuan kepada aktiviti akademik dan penguasaan ilmu serta pembangunan sahsiah mereka.

Justeru katanya, sekretariat mahu perhimpunan atau aktivi-

ti yang hanya menjurus kepada sokongan terhadap individu atau pemimpin tertentu tidak diadakan dalam kampus universiti yang bertujuan mempengaruhi golongan muda seperti mahasiswa universiti.

"Saya menyeru kepada semua pihak agar menghormati universiti sebagai sebuah institusi akademik berperanan untuk mendidik para mahasiswa dalam pelbagai bidang ilmu yang mampu membangunkan negara, bukan sebagai perosak atau penghancur negara.

"Pengalaman beberapa negara luar menggunakan mahasiswa universiti untuk menentang serta men-

jatuhkan sesebuah kerajaan adalah tidak demokratik dan tidak wajar sama sekali dilaksanakan di negara kita ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkata, mahasiswa adalah pelaburan negara dalam membentuk serta menghasilkan modal insan pada masa akan datang dan sewajarnya diberi peluang supaya memberi tumpuan kepada aktiviti akademik, pembudayaan ilmu serta program ketika di kampus.